

Lawatan PM ke luar negara beri pulangan lumayan

6/11 2 1 JUN :
PERSIDANGAN Dewan Rakyat semalam diberitahu bahawa lawatan rasmi dan tidak rasmi ke luar negara yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi pulangan tinggi kepada negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, berkata: "Jumlah perbelanjaan dalam lawatan itu akan memberi pulangan yang jauh lebih tinggi, banyak perjanjian perniagaan ditandatangani yang akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak."

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupa) sama ada hasil lawatan itu hanya memberi keuntungan kepada sektor perdagangan sahaja.

Beliau berkata selain daripada sektor perdagangan, lawatan itu juga memperkukuhkan hubungan dua hala, mendapatkan sokongan dalam isu antarabangsa dan memperkenalkan negara kepada negara asing.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal Datuk Dr Hassan Mohamed Ali (Pas-Parit Buntar) yang meminta jumlah lawatan dan kos yang terbabit dalam lawatan rasmi Perdana Menteri itu, Douglas berkata daripada semua lawatan yang dibuat Perdana Menteri sejak tahun 2000 hingga kini, hanya satu lawatan tidak rasmi yang dilakukan.

Katanya, Dr Mahathir mengadakan lawatan rasmi dan tidak rasmi ke luar negara sebanyak 16 kali pada 2000 dengan perbelanjaan RM2,549,343 manakala pada 2001 sebanyak 14 kali dengan perbelanjaan RM1,824,903.

Bagi 2002 sehingga 13 Jun lalu, sebanyak 16 kali lawatan diadakan dengan perbelanjaan sebanyak RM8,548,316.60.